



CHEONG JUNG HOONG gagal melakukan terjunan baik dalam saingan 3m papan anjal individu wanita di Rio, semalam. - AP

MINGGUAN MALAYSIA 14/8/2016 P-23

Nasib Jun Hoong berubah hanya dalam tiga hari

RIO DE JANEIRO 13 Ogos - Hanya tiga hari selepas meraih pengalaman menakjubkan dengan memenangi pingat perak 10 meter platform seirama, nasib Cheong Jun Hoong berubah dalam masa tiga hari apabila tersingkir di peringkat awal 3m papan anjal individu wanita, hari ini.

Jun Hoong, 26, satu-satunya penerjun negara yang layak ke Rio dalam tiga acara gagal menempatkan diri ke separuh akhir selepas berkedudukan ke-21 dengan 282.25 mata di Pusat Akuatik Lenk.

Kegagalan atlet kelahiran Perak itu meninggalkan Wendy Ng berseendirian ke separuh

akhir selepas berada pada kedudukan ke-17 dengan 299.05 mata. Hanya 18 daripada 29 peserta layak ke separuh akhir sebelum saingan dikurangkan kepada 12 untuk aksi *final*.

Penerjun Kanada, Jennifer Abel mengetuai pusangan awal dengan 373.00 mata.

"Ia bukan penamat yang bagus, tetapi saya sudah cuba yang terbaik.

"Keseluruhannya, saya menikmati kejohanan ini biarpun sedih dengan keputusan yang diraih hari ini dan hidup perlu diteruskan," kata Jun Hoong, yang bergandingan Nur Dhabitah Sabri untuk menduduki tangga kelima 3m papan anjal seirama.